

Laporan stesen Al-Jazeera dakwa Malaysia jadi pusat sindiket anak angkat

27/11/16
MLS 2

Siasat dakwaan kegiatan jual bayi

KUALA LUMPUR – Dakwaan wujudnya kegiatan sindiket penjualan bayi untuk dijadikan anak angkat dipercayai didalangi warga tempatan kini sedang disiasat pihak berkuasa.

Ia susulan laporan stesen penyiaran Al-Jazeera bertajuk *Malaysia: Babies For Sale* yang disiarkan menerusi program *101 East* kelmarin.



KHALID

Memetik laporan tersebut, Malaysia didakwa menjadi pusat penjualan bayi disebabkan proses undang-undang mengambil anak angkat yang kompleks, menyebabkan pasangan yang terdesak untuk mempunyai anak memilih jalan alternatif tersebut.

Video dokumentari berdurasi 25 minit itu turut memaparkan temu bual dengan seorang wanita tempatan dikenali sebagai



HARGA bayi yang dijual sindiket ditentukan mengikut jantina, keturunan dan warna kulit.
– Gambar hiasan

berkata, kementerian itu menyeru pihak polis mengambil tindakan segera menyasat dan menangkap semua pihak yang terlibat dalam urusan niaga tidak bermoral tersebut.

Menurut kenyataan itu, KPWKM memandang serius isu ini kerana bercanggah dengan Artikel 35 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan juga Protokol Pilihan berkenaan penjualan kanak-kanak,

INFO Sindiket jual bayi

7 April 2012 - Polis menumpaskan sindiket menjual bayi di Klang, Selangor selepas menahan empat wanita termasuk seorang warga Singapura yang lumpuh sebelah kaki dalam serbuan di sebuah restoran di Jaya Jusco Bukit Tinggi, Klang.

1 November 2012 - Polis membongkar kegiatan sindiket menjual bayi di sebuah hospital swasta di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur selepas menahan enam suspek termasuk doktor bergelar Datuk, isteri dan anaknya sebaik sahaja selesai urusan jual beli seorang bayi perempuan berharga RM21,000.

25 Februari 2011 - Polis menyelamatkan seorang bayi perempuan berusia tiga bulan yang dipercayai menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia dalam satu operasi di sebuah rumah di Alma dekat Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

INFO Proses pendaftaran anak angkat melalui Jabatan Kebajikan Malaysia

- Pasangan suami isteri yang sah dan ibu tunggal yang menetap di Malaysia boleh memohon mendapatkan anak angkat
- Pemohon perlu mengisi borang permohonan di Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah berdekatan
- Permohonan perlu disertakan gambar pemohon suami atau isteri, surat sokongan daripada pegawai perubatan, salinan sijil nikah, salinan kad pengenalan dan dokumen berkaitan
- Satu sesi temu duga bersama pegawai JKM akan diadakan bagi tujuan penyediaan laporan sosial pemohon
- Segala permohonan baru akan diletakkan dalam senarai menunggu dan tiada tempoh masa tertentu kerana ia bergantung kepada jumlah kanak-kanak di institusi JKM

Sumber: www.jkm.gov.my

Bonda yang menjadi orang tengah sindiket tersebut.

Laporan tersebut menyebut, sindiket berkenaan menggunakan internet termasuk Facebook untuk mengiklan dan menjual bayi.

Sindiket itu turut menyediakan katalog bayi bagi membolehkan pembeli memilih bayi mengikut cita rasa mereka manakala harga bayi ditentukan mengikut jantina, warna kulit dan keturunan.

Ada bayi yang dijual itu merupakan anak luar nikah atau daripada ibu yang terlibat dengan kegiatan pelacuran, katanya.

Laporan berkenaan turut memberitahu, kos pembelian bayi lazimnya berjumlah sekitar RM11,000 lengkap dengan sijil kelahiran palsu.

Dakwanya lagi, proses tersebut dimudahkan dengan bantuan orang dalam di Jabatan Pendaftaran Negara yang menerima sedikit bayaran.

Susulan laporan tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengecam sekeras-kerasnya sebarang aktiviti penjualan bayi di negara ini.

KPKWM dalam satu kenyataan semalam

pelacuran serta bahan-bahan lucah terhadap kanak-kanak.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengakui, sindiket penjualan bayi wujud di negara ini.

Beliau bagaimanapun menegaskan, Malaysia bukan pusat penjualan bayi dan aktiviti tersebut bukan semudah yang ditunjukkan dalam dokumentari Al-Jazeera tersebut.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui

Unit Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Orang (ATIPSOM) sentiasa memantau aktiviti sedemikian dan sudah melakukan 19 tangkapan sejak tahun 2010," katanya dalam satu kenyataan malam tadi.

Tambah Khalid, PDRM akan menjalankan siasatan lanjut terhadap dakwaan Al-Jazeera tersebut bagi membolehkan tindakan susulan diambil pihak berkuasa.



ADA dalam kalangan bayi yang dijual sindiket didakwa daripada ibu yang terlibat dalam aktiviti pelacuran. – Gambar hiasan